

**Kempen Kibar Jalur Gemilang Kekal Perasaan Cintakan Negara
Bernama
Julai 27, 2011**

PUTRAJAYA, 27 Julai (Bernama) -- Kempen Kibar Jalur Gemilang, yang dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak di KL Sentral Rabu perlu sentiasa diadakan untuk mengekalkan perasaan cintakan negara sekaligus menangkis perkara-perkara yang boleh memecah-belahkan perpaduan kaum.

Menteri Belia dan Sukan Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata majlis pelancaran itu, yang menyaksikan ramai pemimpin kerajaan turun padang, diharap dapat membangkitkan semangat yang lebih padu di kalangan rakyat.

"Dengan cara ini, rakyat akan lebih menghayati semangat patriotik dan menghidupkan kembali semangat cintakan tanah air. Tambahan pula, kempen tahun ini diadakan di KL Sentral yang melibatkan penyertaan orang ramai berbanding sebelum ini," katanya kepada Bernama di sini.

Beliau adalah antara menteri kabinet yang menaiki tren KLIA Transit bersama-sama Najib dan Timbalannya Tan Sri Muhyiddin Yassin dari stesen Putrajaya Sentral ke KL Sentral untuk pelancaran kempen itu.

Menteri Pengajian Tinggi Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin pula menganggap program itu wajar disokong dan mendapat kerjasama semua rakyat untuk memupuk semangat patriotisme.

"Semua perkara yang dilakukan kerajaan ada yang tidak nampak dan sengaja hendak dinafikan kebaikan, sedangkan kerajaan sentiasa berusaha menjayakan perkara-perkara yang baik untuk rakyat," katanya.

Khaled berkata program-program tranformasi yang dijayakan kerajaan akan berjaya menerusi perpaduan dan sokongan daripada rakyat.

Menteri Perumahan dan Kerajan Tempatan Datuk Chor Chee Heung pula mengesyorkan setiap rakyat sama ada di bandar atau luar bandar mengibarkan Jalur Gemilang di rumah masing-masing.

"Program sempena kemerdekaan negara ini dapat memberi kesedaran kepada semua pihak dan ia harus diadakan kerana terdapat sesetengah masyarakat yang tidak mempunyai semangat patriotik yang tinggi," katanya.

Menteri Kesihatan Datuk Seri Liow Tiong Lai berkata kempen seumpama itu perlu diraikan bersama-sama di seluruh Malaysia untuk meningkatkan semangat cintakan negara dan perpaduan.

Menteri Sumber Manusia Datuk Dr S Subramaniam pula menyifatkan kempen pengibaran Jalur Gemilang merupakan peluang keemasan untuk menyatupadukan rakyat tanpa mengira kaum.

"Melalui program ini yang dijalankan di semua tempat, mereka akan mendapat satu semangat untuk berkorban dan setia kepada negara," katanya.

Sementara itu, bekas anggota Dewan Negara Tan Sri Jins Samsudin berkata rakyat perlu menghormati Jalur Gemilang sebagai lambang kemerdekaan.

"Tidak perlu mencetuskan huru-hara kerana negara sudah cukup aman di bawah kepimpinan Datuk Seri Najib dan menjadi tanggungjawab kita untuk mengibarkan jalur gemilang," kata pengarah filem dan pelakon veteran itu.

-- BERNAMA

Hakcipta Terpelihara © 1995-2011 Star Publications (Malaysia) Bhd (Co No 10894-D).
Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsgeneral.php?id=604339>